

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini penyiasatan terhadap kegagalan Sistem Pengurusan Keseluruhan Lapangan Terbang (TAMS) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada bulan Ogos yang lalu, adakah benar terdapat sebarang unsur khianat atau sabotaj.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, isu mengenai gangguan sistem rangkaian di KLIA yang bermula pada 21 Ogos 2019 lalu telah distabilkan pada 24 Ogos dan ianya masih dipantau oleh syarikat pengendali KLIA iaitu Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Kerajaan juga telah mengarahkan MAHB untuk mempertingkatkan keselamatan sistem rangkaian di KLIA dan juga mengarahkan pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) untuk menyelaraskan dan memantau usaha bagi mempertingkatkan keselamatan sistem tersebut.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiasatan terhadap sistem rangkaian di KLIA ini termasuklah dakwaan terdapatnya kemungkinan unsur khianat atau sabotaj masih dalam proses siasatan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM).
3. Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan suatu Jawatankuasa Peringkat Kementerian yang dianggotai oleh pakar-pakar dari Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), CAAM dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) seperti yang telah diumumkan pada 26 Ogos 2019 yang lalu. Jawatankuasa tersebut diberi masa 30 hari untuk melaksanakan siasatan secara terperinci. Laporan penuh lengkap hasil siasatan tersebut sedang dimuktamadkan dan ianya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada Oktober 2019.
4. Selain menyiasat punca sebenar permasalahan yang berlaku, PDRM dan Jawatankuasa Peringkat Kementerian juga akan mengenalpasti implikasi serta kesan terhadap perkhidmatan di lapangan terbang merangkumi Total Airports Management System (TAMS) serta beberapa sistem yang berkaitan serta mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan bagi mengelakkan insiden yang sama untuk berulang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.